

Dokumentasi perubatan alami kekalkan ilmu

"PERUBATAN asli Melayu adalah konsep pengubatan secara alami antara yang terbaik," kata Perunding Farmasi dan Naturopath, Prof Dr Ananthan Krishnan.

Bagaimanapun kata-nya, kelebihan yang ada dalam perubatan ini perlukan sokongan kuat bagi memastikan ia dapat didekahkan seterusnya dikongsi kepada umum.

"Perubatan asli Melayu mempunyai banyak kelebihan kerana sebilangan besar cara rawatan dan pengubatan bergantung pada ubat-ubatan semula jadi yang diperoleh secara alami. Namun, kelemahan dari segi dokumentasi menjadi faktor utama sehingga kini kelebihan yang ada padanya dipandang seperti oleh masyarakat.

"Apa yang berlaku kini, ilmu berhubung cara rawatan dan pengubatan asli Melayu diperturunkan secara lisan, tidak formal. Lebih merugikan, apabila orang pandai dalam merawat cara ini meninggal dunia, dia



ANANTHAN

akan membawa sekali ilmu dan kepakarannya. Sebab itu, amat penting dokumentasi agar ilmu dan kepakaran yang dimiliki oleh nenek moyang dahulu diperturunkan kepada generasi akan datang dengan lebih sistematis," katanya.

Ananthan berkata, perubatan secara alami kaum Cina dan India telah di dokumentasikan seperti rawatan akupunktur, bekam, dan ayurveda. Namun, setakat ini di Malaysia, cara rawatan asli Melayu masih belum didokumentasikan.

"Rawatan asli Melayu seperti keparasan dalam urutan, pengetahuan mengenai akar kayu dan rempah ratus perlu di dokumentasikan supaya dapat dipelajari secara formal dan sistematis sekali gus memastikan ilmu berkaitannya terus hidup.

"Golongan pengkaji dari luar negara kini giat mengkaji berhubung kelebihan cara rawatan alami asli Melayu di negara

ini. Jika kita sebagai rakyat Malaysia mengambil sikap berdiam diri, membarkan orang luar mengambil khazanah kita, ia amat merugikan," katanya.

Beliau menambah, ilmu dimiliki perlu didokumentasikan. Manakala produk seperti makjan, ubat-ubatan rempah ratus, minyak urut, dan jamu perlu dikaji ikut prosedur sains agar kualitiinya terjamin. Menerusi dokumentasi, ia boleh dijadikan rujukan pengkaji dalam negara.

"Saya yakin, jika usaha mendokumentasikannya berjaya dilakukan, tempoh tiga ke lima tahun mendatang, ilmu pembelajaran mengenainya boleh dilakukan secara formal dan keanggotaan atau keparasan yang memiliki sijil diiktiraf dalam bidang ini akan ada," katanya.

Jika di India dan Bangladesh boleh ada institusi khas yang mengajar, melatih dan mengeluarkan sijil atau diploma dalam bidang ini, tidak mustahil ia boleh dilakukan di Malaysia," katanya sambil memberitahu perubatan asli Melayu tidak mustahil bakal menjadi satu sistem perubatan alami yang diterima dunia dan dipercayai dari segi saintifik pada masa akan datang.

RESPONS AWAM



Perubatan asli Melayu terbukti berkesan kerana masih diambil sehingga kini. Jika tidak mujarab tidak mungkin masih ada yang mengamalkannya yang mana lebih sinonim disebut sebagai percut dalam merawat. Cuma, kebaikan ini perlu dibuktikan secara saintifik agar lebih mendapat kepercayaan masyarakat moden masa kini."

- Nik Musa'adah Mustapha, Pegawai Kanan Penyelidik Program Bioaktif, Bahagian Produk Asli, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim).



Dokumentasi secara saintifik perlu bagi meriah kepercayaan masyarakat. Umum menganggap, berubat tradisional pasti merawatnya dukin dan bomoh yang menimbulkan gambaran negatif. Kerana itu, ramai lebih percaya pada ubat moden dari hospital."

- Firdaus Abd Rahman, Ketua Cawangan Perubatan Tradisional dan Komplimentari, Jabatan Kesihatan, Sabah.



Sejak rawatan moden dikenalkan, amalan rawatan tradisional semakin dipinggirkan. Sakit sikit seperti selessema dan demam pun mengambil ubat moden sedangkan dalam perubatan asli Melayu kita banyak percut bagi merawat yang mana lebih selamat kerana fiada kandungan dadah. Sebab itu, perlu didokumentasikan, agar kepercayaan dapat diraih semula."

- Rahaya Hassan, ahli terapi dalam bidang perubatan asli Melayu.



Pengambilan ubat dari sumber alam lebih baik dan selamat selain mampu meningkatkan dan memperbaiki sistem tubuh secara natural. Ia selamat digunakan digunakan tidak kira dewasa atau kanak-kanak. Sakit biasa seperti demam, batuk, selessema, panas badan, cirit-birit boleh dirawat secara tradisional. Saya melihat perubatan asli Melayu arat kaya dengan sumber alami. Kesedaran perlu giat dilakukan kerana sebagai orang luar saya melihat ia sebagai khazanah bermilai."

- Dr M Priya, ahli Penyelidik Perubatan Alami dari India.



Perubatan asli Melayu ada kaedah merawat demam biasa tanpa bergantung pada ubat-ubatan moden. - Gambar hiasan



Masyarakat moden kini lebih percaya ubat-ubatan moden berbanding ubat yang dirumus secara tradisional.

Guna kelebihan rawatan alternatif

"SEBAGAI seorang ahli korporat berjaya yang menyumbang dana untuk aktiviti kajian dan program kesedaran dalam perubatan asli Melayu, Datuk Anuar Othman berkata, tanpa kesihatan yang baik, seseorang itu sukar menikmati hidup.

Menurutnya, apabila menyentuh soal kesihatan, kita tidak perlu sentuh soal orang korporat, orang moden atau tidak.

"Berdasarkan pengalaman sendiri, saya pernah mengalami masalah di bahagian gegendang telinga. Doktor pakar dari luar negara mencadangkan supaya dibuat pembedahan. Namun, saya menolaknya kerana tidak mahu bergantung pada alat bantu untuk mendengar selepas pembedahan.

"Justeru, saya mula beralih mencari rawatan tradisional. Sekitar awal tahun 90-an, saya mula melakukan rawatan secara tradisional. Alhamdulillah sehingga kini tidak sebarang pembedahan dilakukan dan

kian beransur pulih.

"Oleh itu, saya berpandangan kelebihan dan kebaikan yang ada dalam rawatan tradisional perlu di sebarluaskan kepada umum dan usaha memupuk kesedaran itu perlu berterusan.

Sehubungan itu, satu kajian saintifik dan dokumentasi berkaitan perubatan secara alami termasuk perubatan asli Melayu ini perlu dilaksanakan segera," ujarnya.

Tanggapan bahawa hanya hospital dan klinik sebagai tempat mendapatkan rawatan dan ubat-ubatan sahaja sebagai usaha bergantung untuk sembuh perlu diubah.

"Perubatan alternatif sebenarnya ada



ANUAR

ubat yang turut berkesan. Jika kesedaran berkaitan kebaikan dan kelebihan perubatan secara alami ini konsisten dilakukan, tidak mustahil mentaliti masyarakat besarnya dapat diubah.

Justeru, keistimewaan dan kelebihan yang ada dalam dunia perubatan dan perawatan asli Melayu perlu di dokumentasikan untuk memastikan kelangsungan ilmunya terpelihara dan tidak seperti yang belaku kini

di mana ilmu berkaitannya diperturunkan secara lisan secara turun-temurun. Selain itu, mustahaknya dokumentasi dilakukan adalah untuk mendapatkan kepercayaan dan keyakinan masyarakat," katanya.

Perubatan asli Melayu kian pupus?

Perubatan cara tradisional adalah warisan turun-temurun. Sebagaimana masyarakat India dan Cina, Melayu juga mempunyai keunikan tersendiri dalam aspek perubatan.

Umumnya, dalam masyarakat Melayu segala jenis rempah ratus, akar kayu atau dedau boleh digunakan untuk mengubat. Sejak dahulu, masyarakat Melayu menjadikan bahan semula jadi sebagai makanan atau ramuan dalam masakan yang mampu merawat dan meningkatkan sistem imun tubuh.

Contohnya, daun pegaga dijadikan ulam kerana khasiatnya melancarkan peredaran darah, mengubati sengal badan, dan mengubati penyakit demam kepala. Seiring dengan peredaran zaman, pengetahuan dan penggunaan bahan semula jadi semakin jauh daripada pengetahuan masyarakat kerana tiada dokumentasi secara komprehensif dilakukan sebelum ini.

Tidak hairanlah jika ada yang sakit ringan akan terus bergantung pada ubat-ubatan moden sedang ia sudah diketahui mengandungi dadah. Selain itu, kesedaran mengenai kebaikan mengubat mengikut kaedah perubatan asli Melayu kurang dilakukan.

Kini, bilangan yang tahu dalam perubatan tradisional atau pengubatan asli Melayu tidak ramai. Ilmu dan pengetahuan berkaitan perubatan menerusi kaedah ini juga tidak dilakukan secara formal tetapi sekadar disampaikan dari mulut ke mulut.

Lebih menyedihkan, bila mereka yang tahu itu meninggal dunia, turut membawa ilmunya sama berkubur. Justeru, amat penting ilmu ini didokumenkan agar kelangsungan hayat perubatan menerusi kaedah asli Melayu dapat diteruskan daripada generasi kepada generasi dengan lebih formal dan saintifik.

Jika dokumentasi berjaya dilakukan, tidak mustahil kaedah perubatan asli Melayu juga boleh berjaya dan berdiri sebaik dengan sistem perubatan alami lain seterusnya diterima dunia dan dipercayai dari segi saintifik.



Proses pembuatan ubat-ubatan dalam rawatan asli Melayu perlu ditambah baik seiring dengan peredaran zaman.

Ubah mentaliti cara berubat

"MENTALITI bahawa berubat secara tradisional adalah berkaitan bomoh, pawang, dan dukun yang mengamalkan amalan mistik perlu diubah," kata Tabib Perubatan Homeopathy, Dr (H) Syed Mohsin Syed Foazi.

Pemikiran prasangka sebegini tidak harus ada pada zaman moden. Kini rata-rata rawatan tradisional dilakukan dan dikendalikan secara moden oleh kebanyakan pengamal perubatan secara alami.

"Kita tidak mahu dengan pemikiran sebegini amalan pengubatan asli Melayu hilang ditelan zaman," katanya ketika ditemui di Persidangan Memperkasakan Perubatan Asli Melayu 2013 dan Pameran Sains Perubatan Asli Melayu Modern di Shah Alam, baru-baru ini.

"Pemikiran prasangka sebegini boleh dilupuskan menerusi pembuktian. Semua berkaitan pengubatan asli Melayu tidak kiral dari segi urutan, ilmu bidan, dan ubat-ubatan adalah amat penting didokumentasikan."

"Setelah dibuat kajian dari segi saintifik dan dokumentasi, tidak mustahil pe-

mikiran yang tidak sedap didengar sebelum ini boleh lenyap. Ini kerana, masyarakat moden kini lebih percaya kepada sains dan bukti yang ditunjukkan."

Contohnya, rawatan alami seperti ayurveda dan akupunktur kini semakin mendapat kepercayaan masyarakat kerana ada dokumentasi mengenainya dibuat dan begitu-lah sepatutnya ada pada perubatan alami asli Melayu.

Syed Mohsin yang juga Timbalan Presiden Gabungan Pertubuhan Pengamal Perubatan Tradisional Melayu Malaysia (Gapera) berkata, ubat-ubatan alami asli Melayu 100 peratus diambil daripada sumber alam.

"Namun, cara pembuatannya tidak boleh sama dengan cara nenek moyang dahulu. Ia perlu berubah seiring zaman moden kini."

"Pembuatan secara saintifik perlu di-

Naik taraf pengubatan asli Melayu secara saintifik

lakukan agar kualiti kebersihan terjamin selain memastikan setiap ubat yang dihasilkan standard dari segi kualiti dan kandungan sukatian," katanya.

Menyentuh perbandingan perubatan asli Melayu dengan perubatan moden, beliau berkata, masing-masing mempunyai kekuatan dan kelebihan tersendiri.

"Rawatan moden dan tradisional tidak boleh dipisahkan. Dalam perubatan asli Melayu tidak ada rawatan pembedahan, pengimbasan dan jahitan."

"Begitu juga dalam perubatan moden ada kekurangan, contohnya dari segi rempah ratus dan akar kayu yang mana kita tahu 100 bebas dari kandungan dadah."

"Justeru, saya berpendangan memisahkan dua kaedah rawatan ini tidak wajar dilakukan, tetapi jika diselaraskan ia tidak mengugurkan mana-mana pihak," katanya.

INFO

Potensi perubatan tradisional di Malaysia

- Kaya dengan sumber semula jadi.
- Terdapat lebih 6,000 spesies tumbuhan tropika.
- Terdapat 550 sumber yang mengandungi 1,300 spesies.
- Kebanyakan tumbuhan memberi manfaat kepada tubuh.
- Nilai pemakanan yang tinggi.
- Kebolehan untuk mengubati penyakit.

Faktor menyumbang penurunan amalan perubatan tradisional

- Kemajuan sains dan teknologi.
- Cara rawatan moden.
- Kekurangan pengamal mahir.
- Pengetahuan diwarisi tanpa izin.
- Penurunan pengetahuan yang tidak boleh dipercayai.
- Rawatan disampaikan secara lisan daripada memori.
- Disampaikan kepada murid terpilih sahaja.
- Jika didapati tiada bersesuaian pengetahuan itu dengan keadaan semasa, akan lenyap bersama pengamalnya apabila meninggal dunia.



SYED MOHSIN